

27 NOV 1997

Maritim-Feri

PERKHIDMATAN FERI UNTUK KEMUDAHAN PENGUNJUNG LIMA '97

LANGKAWI, 27 Nov (Bernama) -- Perkhidmatan feri akan diadakan bagi kemudahan pengunjung melihat pameran segmen maritim dalam Pameran Maritim dan Udara Antarabangsa Langkawi (LIMA 1997) mulai 2 hingga 7 Dis ini.

Pengarah Eksekutif Huswah Exhibition Sdn Bhd, Syed Mohamad Feisal Syed Hussain hari ini berkata perkhidmatan feri yang berulang-alik dari Jeti Kuah ke Jeti Tanjung Malai akan menjimatkan masa perjalanan pengunjung ke tempat pameran.

Katanya penganjur menyediakan tiga buah feri yang mengadakan perkhidmatan untuk membawa penumpang melawat kapal-kapal perang dan selam yang menyertai pameran itu.

Beliau berkata sehingga ini sebanyak 40 buah kapal perang dan empat kapal selam dari Perancis, Turki, Russia dan Pakistan akan menyertai pameran itu.

Selain itu kapal nelayan canggih dari Norway juga akan turut dipamerkan.

Orang ramai akan berpeluang menyaksikan kapal-kapal yang mengambil bahagian secara dekat kerana ia berlabuh di sekitar perairan Tanjung Malai selama tiga hari mulai 4 Dis ini, katanya.

Sehingga ini sebanyak 238 syarikat dari 30 buah negara mengesahkan mengambil bahagian dalam LIMA '97.

Inilah kali pertama pameran maritim itu diadakan berasingan daripada pameran udara. Pameran maritim diadakan di Tanjung Malai manakala pameran udara di Pusat Pameran Antarabangsa Mahsuri di Padang Matsirat.

Beliau berkata penganjur memang berharap untuk menjadikan Pameran Maritim kali ini sebagai yang terbaik di rantau ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir akan merasmikan pameran itu.

Sementara itu, kerja-kerja menyiapkan tempat pameran bagi segmen maritim di Tanjung Malai sedang rancak dijalankan. -- Bernama

ZI oba